

Sesebuah novel banyak memaparkan pelbagai peristiwa. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang boleh dijadikan teladan dan kemukakan alasan and

Contoh jawapan bagi novel Leftenan Adnan Wira Bangsa:

Novel yang saya kaji ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib. Antara peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah **peristiwa Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun.** Walaupun kakinya telah tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun, Leftenan Adnan tidak menyerah kalah sehingga titisan darah yang terakhir. Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana daripada peristiwa itu telah menimbulkan semangat patriotik dalam diri saya untuk terus menjaga kedaulatan dan keamanan negara daripada diceroboh oleh musuh negara.

Seterusnya, peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah **peristiwa pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung.** Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana kita hendaklah menuntut ilmu demi masa depan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Contoh jawapan bagi novel Tirani:

Novel yang saya kaji ialah Tirani karya Beb Sabariah. Antara peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah **peristiwa Waheeda yang mengalami masalah kemurungan akibat kegagalan rumahtangga dan telah mula bangkit serta berusaha melupakan kenangan lalu dengan memajukan Chalet Aya-Sajinah.** Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana walaupun kita gagal namun kita tidak boleh terlalu mengikut perasaan sedih itu sebaliknya berusaha untuk kehidupan yang mempunyai masa depan.

Seterusnya, peristiwa yang boleh dijadikan teladan ialah **peristiwa Waheeda gigih mendapatkan pinjaman tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas.** Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana setiap usaha yang dilakukan oleh Waheeda dapat dijadikan contoh teladan kepada kita agar gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

[2 peristiwa + 2 alasan + bahasa gramatis = 7 markah

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu perwatakan watak utama yang anda fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca daripada setiap novel tersebut.

Jawapan bagi novel Leftenan Adnan Wira Bangsa dan Tirani :

Novel yang saya kaji di tingkatan 4 ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib. **Watak utama bagi novel ini ialah Adnan bin Saidi** . Satu perwatakannya yang saya fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca ialah **dia merupakan seorang yang bersemangat patriotik**. Contohnya, Leftenan Adnan sanggup berjuang bermati-matian sehingga titisan darah yang terakhir untuk mempertahankan bumi tercinta daripada jatuh ke tangan tentera Jepun.

Seterusnya, **dia merupakan seorang yang rajin**. Contohnya, Adnan rajin mengulang kaji pelajaran sehingga mendapat keputusan yang baik. Dia juga rajin menolong bapanya menoreh getah, bersawah dan menjaga kebun durian.

Manakala, novel yang saya kaji ditingkatan 5 ialah Tirani karya Beb Sabariah. Perwatakan watak utama bagi novel ini ialah Waheeda. Satu perwatakannya yang saya fikir sesuai untuk dicontohi oleh pembaca ialah **dia merupakan seorang yang penyabar**. Contohnya Waheeda sabar dengan ejekan rakan-rakannya yang sering mengejek hidungnya yang pesek dan Waheeda juga sabar menangani sifat cemburu buta suaminya yang selalu menuduhnya mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain.

Seterusnya, **dia merupakan seorang yang berfikiran positif**. Contohnya, Waheeda yakin industri pelancongan yang diceburinya akan membawa keuntungan yang besar jika ada insentif dan sokongan kerajaan.

[4 perwatakan + 4 contoh = 8 markah]

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji jelaskan sebab-sebab novel tersebut dianggap istimewa dan boleh menarik minat pembaca

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu **Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib** , novel tersebut ternyata mempunyai banyak **keisitimewaan** dari pelbagai aspek.

Keistimewaan yang pertama adalah daripada **pengutaraan tema yang baik** oleh pengarang. Tema novel ini mengisahkan keberanian seorang anggota tentera dalam mempertahankan tanah air. Leftenan Adnan bin Saidi telah menunjukkan keberanian dan kecekalan sejak kecil serta mendapat dorongan daripada bapanya untuk menjadi askar. Keperwiraan beliau terbukti apabila beliau berjuang menentang musuh hingga penghujung nyawa.

Novel ini juga istimewa dan menarik kerana mengandungi **banyak nilai dan pengajaran** yang boleh dijadikan iktibar kepada masyarakat. Antara nilai yang terdapat dalam novel ini ialah nilai cinta akan negara. Leftenan Adnan yang bertugas sebagai guru sanggup meninggalkan kerjaya tersebut untuk memasuki bidang ketenteraan demi berjuang mempertahankan tanah air. Pengajarannya ialah, sebagai anak muda, kita hendaklah sanggup berkorban demi kedaulatan tanah air pada bila-bila masa diperlukan.

Selain itu, **novel ini juga menarik perhatian pembaca dan istimewa kerana perwatakan watak utama** dalam novel ini berjaya meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa pembaca terutama generasi muda yang masih mempunyai kudrat untuk berjuang mempertahankan negara . Watak Leftenan Adnan adalah simbol keberanian dan ketabahan anak muda dalam perjuangan. Leftenan Adnan berani berjuang melawan tentera Jepun walaupun tanpa senjata hingga ke titisan darah terakhir.

TIRANI

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu **Tirani Karya Beb Sabariah** , novel tersebut ternyata mempunyai **banyak keisitimewaan dari pelbagai aspek dan boleh menarik minat pembaca.**

Keistimewaan yang pertama adalah daripada **pengutaraan tema yang baik** oleh pengarang. Tema novel ini berkisar tentang Kecantikan fizikal yang bersifat sementara namun, ilmu yang dimiliki seseorang dapat melindungi kelemahan diri. Waheeda yang menganggap dirinya tidak sempurna kerana bentuk hidungnya yang pesek mendapat kesempatan memperbaiki kekurangannya itu selepas hidungnya cedera teruk kerana serangan seekor monyet . Dia berjaya mendapatkan kecantikan wajah yang diidamkan namun kecantikan tersebut menjadi punca keruntuhan rumahtangganya dengan Zahid. Walau bagaimanapun , waheeda yang mempunyai pendidikan yang tinggi mampu keluar daripada jerat kecewa dan putus asa yang menyebabkan dia terpaksa mendapat rawatan sebagai pesakit jiwa, lalu melangkah terus maju ke hadapan dalam bidang pelancongan.

Istimewanya novel ini juga kerana mengandungi **banyak nilai dan pengajaran.** Pengarang menghantar mesej kepada pembaca melalui penerapan nilai murni seperti nilai kasih sayang seorang ibu kepada anaknya. Raidah ibu Waheeda tidak dapat menahan diri untuk bersama-sama anaknya menghadapi saat genting menjalani pembedahan rekonstruksi wajah di Singapura. Raidah menjadi gusar apabila Waheeda menghantar e-mel kepada Ghazi menyatakan pembedahannya mengambil masa selama 10 jam. Raidah

membuat ketupat lepas yang menjadi simbol terlepas daripada bala dan ingin menghantarnya sendiri kepada anaknya.

Selain itu, **keistimewaan Novel Tirani yang boleh menarik perhatian pembaca** ialah dari segi **pemaparan perwatakan watak utama** iaitu Waheeda. Waheeda digambarkan sebagai seorang wanita yang gigih berusaha. Dia memajukan Syarikat pelancongan Tajau Emas milik keluarga sehingga syarikat tersebut menjadi terkenal dan resort tersebut sentiasa menerima kunjungan pelancongan dalam dan luar negara. Waheeda juga mempunyai pendirian yang tegas. Walaupun kurang dipersetujui keluarga, dia tetap menjalani pembedahan rekonstruksi wajahnya. Waheeda juga sentiasa berfikiran positif dan sikapnya itu menyebabkan beliau berjaya keluar daripada belenggu kekecewaan ditinggalkan suami yang menuduhnya curang selepas melahirkan anak yang tidak diakui oleh Zahid, suaminya sebagai darah dagingnya. Kejayaan waheeda dan anaknya Izzati memajukan Aya Sakinah di Cameroon Highlands menjadikan watak utama dalam novel ini menarik perhatian pembaca.

Huraikan sinopsis novel yang anda pelajari.

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya pelajari ialah novel **Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib**. Novel Leftenan Adnan bermula dengan kisah kehidupan Adnan semasa kecil. Pak Said dan Mak Miah membesarkan tiga orang anaknya iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah. Pak Said amat mengambil berat tentang sejarah tanahair. Dia mahu anak-anaknya berbakti kepada bangsa, agama dan tanahair. Dia juga merahsiakan keturunannya demi keselamatan keluarganya.

Adnan bersekolah di sekolah Inggeris. Adnan yang bercita-cita menjadi askar akhirnya berjaya menjadi askar dalam satu temu duga di Port Dickson. Adnan menyertai Regimen askar Melayu dan berkahwin dengan Sophia serta dikurniakan dua orang anak. Adnan membawa keluarganya tinggal di Singapura.

Pada tahun 1941 Jepun mendarat ke Tanah Melayu. Batalion kedua Askar Melayu tidak mampu membendung serangan Jepun dan mereka diarahkan berundur dari medan pertempuran. Perang dunia kedua telah tercetus. Leftenan Adnan dan kumpulannya daripada Kompeni C diarahkan ke Pasir Panjang dan Bukit Candu bagi menyekat kemaraan tentera Jepun yang ketika itu sudahpun berjaya menguasai beberapa tempat di Tanah Melayu. Di Pasir Panjang pasukan Leftenan Adnan berjaya menembak mati beberapa orang tentera Jepun sehingga memaksa tentera Jepun berundur.

Kedatangan semula pasukan tentera Jepun dengan bilangan yang lebih ramai menyebabkan askar dalam Kompeni C berjuang bermati-matian. Pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diasak oleh tentera Jepun. Ketika itu peluru hampir habis dan banyak askar Melayu terkorban sedangkan tentera Jepun semakin ramai menghampiri Bukit Candu. Tentera Jepun telah berjaya menawan Leftenan Adnan. Tentera Jepun kemudiannya menggantung Leftenan Adnan yang cedera parah itu pada dahan pokok ceri lalu ditikam bertubi-tubi oleh setiap tentera Jepun dengan bayonet sehingga mayatnya hancur.

Pada 15 Ogos 1945 Jepun telah menyerah kalah dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Sophia membesarkan anak-anaknya dengan mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum berkhidmat semula sebagai guru di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka.

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah **Novel Tirani, karya Beb Sabariah**. Tirani mengisahkan seorang gadis yang bernama Waheeda yang menhadi pengusaha sebuah resort bernama Tajau Emas bersama-sama ahli keluarganya di Sarawak. Di sebalik kejayaannya mengusahakan pusat pelancongan waheeda mengalami konflik jiwa dan diburu perasaan tidak berpuas hati dengan dirinya kerana menganggap rupa parasnya tidak cantik. Kenangan lama iaitu saat-saat dia diejek oleh rakan-rakannya kerana wajahnya yang dikatakan hodoh sering menggugat perasaannya. Dia mahu menjadi cantik dan berhidung mancung kerana hidungnya pesek. Selepas peristiwa diserang oleh monyet sehingga menyebabkan wajah terutama hidungnya mengalami kecederaan serius, waheeda bertekad dan membulatkan hati untuk menjalani pembedahan di Singapura.

Sepanjang berada di Singapura , Waheeda tinggal bersama sahabat baiknya semasa belajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai iaitu Bazilah . Waheeda selamat menjalani pembedahan rekonstruksi selama 12 jam di Silicon Medical centre. Tiga orang doktor pakar menjalankan pembedahan tersebut diketuai Dr Alma Chen . Wajah Waheeda bertukar jelita dan resah jiwanya telah sima. Keyakinan dirinya meningkat sehingga melonjakkan dirinya ke persada kejayaan.

Ketika menjadi pegawai perhubungan awam di Flamingo Resort ,waheeda berkenalan dengan Zahid, anak Datuk Yaseer penguasaha Hotel Sri Gading, rakan niaganya di Sarawak. Waheeda akhirnya melangsungkan perkahwinan dengan Zahid . Hanya pada peringkat awal sahaja mereka hidup bahagia. Waheeda tersiksa dengan sikap cemburu Zahid yang tidak mahu Waheeda menumpukan lebih banyak perhatian terhadap kerjaya berbanding rumah tangga . Zahid beranggapan dia berkongsi kecantikannya isterinya dengan masyarakat. Walaupun Waheeda sangat mencintai Zahid, namun dia juga sangat komited terhadap kerjayanya. Perkahwinan mereka tidak kekal lama kerana Waheeda diceraikan oleh Zahid selepas anak mereka Izzati dilahirkan . Zahid tidak percaya bahawa Izzati ialah anaknya kerana raut wajahnya tidak sama dengan raut wajah Waheeda mahupun dirinya . Walaupun Waheeda menunjukkan hasil ujian DNA, namun Zahid tetap pergi meninggalkan Waheeda

Waheeda sangat kecewa . Cintanya terhadap Zahid terlalu mendalam sehingga dia mengalami tekanan jiwa setelah diceraikan Zahid dengan talak satu Ternyata Kecantikan dan kejayaan dalam kerjaya yang dicapai oleh Waheeda tidak menjamin kebahagiaan rumah tangga. Harapannya tidak menjadi kenyataan kerana apa yang diperolehnya itu yang merosakkan kehidupannya. Waheeda menghadapi kemurungan sehingga terpaksa mendapatkan rawatan daripada kaunselor iaitu Dr Qamariah.

Akhirnya Waheeda bertekad untuk berjaya dan berdikari dalam bidang pelancongan dengan menguruskan sebuah chalet di Cameroon Highland Kemajuan chalet yang diusahakan oleh Waheeda dan anaknya Izzati telah menarik kehadiran ramai pelancong termasuklah Zahid. Zahid yang kini tempang akibat kemalangan di Los Angeles diburu penyesalan kerana melepaskan Waheeda dan anaknya. Akhirnya mereka dipertemukan di chalet Aya Sakinah itu. Walaupun sukar menerima Zahid kembali, namun pujukan anak mereka , Izzati menyebabkan hati Waheeda terbuka untuk menerima Zahid kembali Namun, di sudut hati Waheeda dan Zahid terserlah satu falsafah hidup bahawa kecantikan seseorang hanyalah satu TIRANI.

Dalam novel yang dikaji, bahagian peleraian cerita diakhiri dengan kejayaan. Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang membuktikan kejayaan tersebut

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya kaji ialah **Novel Leftenan Adnan Wira bangsa karya Abdul Latif Talib**. Peristiwa pertama yang membuktikan **kejayaan pada peleraian cerita** ialah **peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun** dengan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi berbuat begitu kerana dia ingin membalas dendam atas kematian anaknya Pak Saidi tidak mahu pihak penjajah Jepun terus berkuasa di Tanah Melayu.

Selanjutnya, **peristiwa kedua yang membuktikan kejayaan pada peleraian cerita** adalah **berita kemenangan Tentera British** dalam Perang Dunia Kedua. Jepun menyerah kalah dan telah menandatangani surat perjanjian menyerah kalah secara rasmi di kilang kereta Ford. Pada 15 Ogos 1945. British telah mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu semula setelah Pihak Berikat yang terdiri daripada Pakatan Amerika Syarikat dan British berjaya mengebom Bandar Hiroshima dan Nagasaki.

Rentetan daripada itu, kehidupan di Tanah Melayu mulai aman. Sophia, Isteri Leftenan Adnan dan keluarganya berjaya diselamatkan daripada menjadi mangsa kekejaman Jepun kerana penduduk kampung berpakat menyembunyikan mereka apabila tentera Jepun mencari mereka di Kampung Sungai Ramal, Kajang, Selangor. Sophia akhirnya menjadi guru di Sekolah Sungai Ramal dan berkahwin dengan Ustaz Ridhwan dan bahagia hingga ke akhir hayatnya yang juga merupakan antara **peristiwa yang membuktikan kejayaan Sophia membina hidup baru selepas tragedi yang menimpa Leftenan Adnan.**

TIRANI

Novel yang saya kaji ialah **Tirani Karya Beb Zabariah**. Berdasarkan novel ini terdapat beberapa peristiwa yang membuktikan terdapat kejayaan pada peleraian novel. **Peristiwa pertama** yang membuktikan kejayaan pada peleraian cerita ialah **kejayaan Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwani** milik Pak Cik Abdul Aziz yang terletak di Cameron Highlands dengan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. Zahid dan Aiman yang kebetulan menginap di Chalet Aya-Sajinah, berehat di Café Iwani dan bersembang tentang pelbagai perkara terutamanya perihal keinsafannya atas kesilapan masa silam. peristiwa ini melambangkan kejayaan Waheeda dalam bidang perniagaan.

Seterusnya, **Peristiwa kedua** yang membuktikan kejayaan pada peleraian cerita ialah **peristiwa Zahid menangis apabila diberitahu bahawa Izzati merupakan anak kandungnya** dan Waheeda kerana ibu Izzati merupakan insan yang dicarinya selama ini. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan anak kandung mereka, Izzati. Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bapanya, Zahid. peristiwa ini melambangkan kejayaan Waheeda yang berjaya menegakkan kebenaran tentang kesetiiaannya terhadap Zahid.

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan perwatakan watak utama yang terdapat dalam novel tersebut.

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya pelajari ialah **Leftenan Adnan Wira Bangsa**. Watak utama dalam novel tersebut ialah Leftenan Adnan. Leftenan Adnan merupakan **seorang yang berani**. Contohnya, Leftenan Adnan berani berjuang menentang tentera Jepun hingga ke titisan darah terakhir walaupun tanpa senjata. Keberanian Leftenan Adnan menyebabkan Regimen Askar Melayu Berjaya menghalang kemaraan Tentera Jepun di permatang Pasir Panjang, Singapura. Tentera Jepun terpaksa berundur dan beratus-ratus orang tenteranya terbunuh.

Selain itu, Leftenan Adnan juga merupakan **seorang yang bijaksana**. Contohnya, Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera Sikh yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang. Kesemua tentera itu berjaya dibunuh dan beliau mendapat pujian daripada Jeneral A.E. Percival

Leftenan Adnan juga **Seorang yang patriotik**. Beliau sanggup menolak tawaran menjadi guru pelatih, seterusnya menerima tawaran mengikuti latihan di Pusat latihan Regimen Askar Melayu di Port Dickson. Tindakannya itu membuktikan semangatnya yang berkobar-kobar untuk mempertahankan tanahair. Setelah menjadi askar Melayu, Leftenan Adnan sanggup menggadaikan nyawa untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh sehingga beliau terkorban dalam pertempuran di Bukit Candu, Singapura.

TIRANI

Novel yang saya pelajari ialah **Tirani Karya Beb Sabariah**. Watak utama dalam novel tersebut ialah Waheeda. Waheeda merupakan **seorang anak muda yang berkeyakinan tinggi**. Tamsilnya, Waheeda sangat yakin akan kemampuan dirinya dalam memajukan Tajau Emas. Sebaik sahaja dia tamat belajar, dia telah membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak. Baginya, mereka tidak akan menemukan sesuatu jika tidak mencari sesuatu.

Selain itu, **Waheeda juga seorang yang bijak merancang**. Contohnya, Dalam menguruskan inap desa keluarganya, Waheeda dapat merancang dan menyusun jadual program-program yang dapat menaikkan nama inap desa tersebut sehingga syarikat Tajau Emas berjaya dan terkenal serta menjadi tumpuan para pelancong dari dalam dan luar negara

Waheeda juga **seorang yang obses terhadap kecantikan**. Waheeda berkali-kali memujuk ibunya agar membenarkan dirinya melakukan pembedahan kosmetik kerana menganggap wajahnya tidak komersial. Dia ingin kelihatan cantik, anggun dan bergaya seiring dengan kejayaannya memajukan inap desa keluarganya yang semakin terkenal

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan dua nilai tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut.

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya pelajari ialah **Leftenan Adnan Wira Bangsa**, karya **Abdul Latif Talib**. Nilai **tanggungjawab yang dapat dilihat ialah tanggungjawab terhadap keluarga**. Nilai tersebut dipaparkan melalui watak Pak Saidi yang mengambil berat pelajaran anak-anaknya. Beliau menghantar Adnan belajar di sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan penduduk Kampung Sungai Ramal. Beliau sedar akan tanggungjawab seorang ketua keluarga demi memastikan anak-anaknya mempunyai masa depan yang terjamin dan dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.

Selain itu, **nilai tanggungjawab juga dipaparkan melalui watak Adnan**. Beliau **menggalas tanggungjawab memimpin Regimen Askar Melayu Kompeni C di Pasir Panjang** dan Bukit Candu dengan mempertaruhkan nyawanya demi mempertahankan keselamatan negara. Beliau bersama-sama pasukannya berjuang bermati-matian sehingga kehabisan senjata dan berakhir dengan kematiannya yang sungguh tragis. Kemarahan tentera Jepun dengannya tidak terkira sehingga dia digantung di bawah pohon ceri dengan kepalanya di bahagian bawah dan setiap askar Jepun menikamnya dengan bayonet. Seseungguhnya, pengorbanan Leftenan Adnan demi tanggungjawab mempertahankan negara perlu kita teladani

TIRANI

Novel yang saya pelajari ialah **Tirani**, karya **Beb Sabariah**. Nilai tanggungjawab dipaparkan pada watak **Waheeda yang bertanggungjawab mengusahakan inap desa keluarganya**. Dia telah menjaga inap desa tersebut sehingga berjaya memajukan dan menjadikan Tajau Emas tersohor dan menjadi pilihan pelancong di dalam dan di luar negara. Nilai tanggungjawab yang terdapat pada watak Waheeda ini menyebabkan dia juga berjaya dalam kerjayanya sebagai pegawai Perhubungan Awam di Hotel Flamingo dan seterusnya memajukan Aya Sajinah di Cameroon Highlands.

Seterusnya, **nilai tanggungjawab dapat dilihat pada watak Raidah, iaitu emak Waheeda yang pergi ke Singapura untuk menemani Waheeda yang menjalani pembedahan kosmetik**. Raidah bertanggungjawab menjaga Waheeda sepanjang pembedahan sehingga Waheeda pulih. Raidah juga sentiasa menasihati dan memberikannya sokongan dan dorongan padu kepada Waheeda pada saat-saat Waheeda menghadapi kemurungan kesan kekecewaan dalam perkahwinannya. Nilai bertanggungjawab seorang ibu terhadap anaknya yang amat mulia jelas terpapar dalam novel ini,

Perkembangan cerita sesebuah novel bergantung pada peranan yang dimainkan oleh watak utama dan watak sampingannya. Jelaskan dua peristiwa yang melibatkan watak utama daripada sebuah novel yang telah anda kaji.

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya pelajari ialah Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib. Peristiwa pertama yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah peristiwa Adnan berkahwin dengan Sophia. Perkahwinan ini dirancang dan diatur oleh bapa Adnan, Pak Saidi. Hasil Perkahwinan itu telah membuahkan kebahagiaan apabila pasangan Adnan dan Sophia dikurniakan dua orang anak, iaitu Mokhtar dan Zainuddin.

Peristiwa kedua yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah Adnan pulang membawa khabar gembira ketika pulang bercuti, terutamanya buat isteri tercinta. Adnan menyatakan hasrat untuk mengajak Sophia berpindah kerana Adnan akan berpindah ke Pasir panjang. Di sana, Adnan dibenarkan untuk membawa keluarga dan rumah juga disediakan. Sophia menyambut pelawaan Adnan dengan perasaan sangat gembira.

TIRANI

Novel yang saya pelajari ialah **Tirani**, karya **Beb Sabariah**. Peristiwa pertama yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah peristiwa **Waheeda telah dcederakan oleh seekor monyet Belanda** pada bahagian wajah dan hidungnya. Kejadian ini menyebabkan Waheeda dikejarkan ke hospital oleh Fadhil sambil ditemani oleh ibunya, Raidah. Kesan peristiwa tersebut menyebabkan Waheeda mengambil keputusan untuk menjalani pembedahan rekonstruksi pada wajahnya di Singapura. Beliau menjalani pembedahan selama 12 jam yang diketuai Dr. Alma Hollis Chen di Silicon Medical Center (SMC).

Selanjutnya, Peristiwa kedua yang melibatkan watak utama pada perkembangan cerita ialah **peristiwa Waheeda menjalani pembedahan pembedahan pada hidungnya** selepas dia mengalami selesema yang teruk dan berterusan. Pemeriksaan menunjukkan tulang hidungnya telah jatuh daripada kedudukan asal dan memerlukan pembedahan hidung semula. Pembedahan yang dijalankan oleh Dr. Averroes atau Dr. Rushdi telah berjalan dengan lancar dan hidung waheeda Berjaya dipulihkan.

Konflik merupakan satu daripada teknik penceritaan yang dapat mengembangkan sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua konflik yang dihadapi oleh watak utamanya.

LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Novel yang saya pelajari ialah **Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib**. Berdasarkan novel tersebut, watak utamanya iaitu Adnan yang sememangnya berhadapan dengan pelbagai konflik. Konflik pertama yang dihadapi oleh watak utama ialah **konflik antara Adnan dengan ibunya**. Ibunya tidak membenarkan Adnan menjadi tentera kerana tidak sanggup berpisah dengan Adnan yang perlu menjalani latihan ketenteraan di Port Dickson. Bagaimanapun, akhirnya, ibu Adnan akur dengan kehendak anaknya dan merelakan serta menghormati keputusan Adnan yang ingin menjadi seorang tentera.

Konflik kedua yang dihadapi oleh watak utama ialah **konflik antara Leftenan Adnan dengan pihak Jepun**. Banyak anggota Kompeni C Regimen askar Melayu di bawah pimpinan Leftenan Adnan terkorban ketika bertempur dengan tentera Jepun di Pasir Panjang dan Bukit Chandu. Leftenan Adnan terus memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya walaupun mereka semakin kehabisan peluru. Biar pun, akhirnya Tentera Jepun berjaya menembusi pertahanan kubu askar Melayu dan Leftenan Adnan turut terkorban, namun semangat beliau tetap utuh saat menghadapi konflik tersebut.

TIRANI

Novel yang saya pelajari ialah **Tirani, karya Beb Sabariah**. **Konflik pertama** yang dihadapi oleh watak utama ialah **konflik antara Waheeda dengan bapanya**. Waheeda ditegur oleh bapanya selepas bapanya mengetahui bahawa Waheeda mahu menjalani pembedahan kosmetik. Bapanya menjelaskan bahawa perbuatan itu menyalahi hukum agama. Waheeda tidak mepedulikan nasihat tersebut sekali gus membuat keputusan untuk menjalani pembedahan di Singapura.

Konflik kedua yang dihadapi oleh watak utama ialah konflik antara Waheeda dengan **suaminya, Zahid**. Kemesraan Waheeda dengan pelanggan lelaki, kecantikan Waheeda dan pujian yang sering diterima olehnya menyebabkan suaminya cemburu sekaligus mencurigai kesetiaan Waheeda. Zahid juga mempersoal raut wajah anak mereka yang baru dilahirkan dan dijadikan alasan untuk menuduh Waheeda berlaku curang. Waheeda pula berani mencabar suaminya dengan cadangan ujian DNA. Akhirnya, konflik tersebut meruntuhkan rumahtangga yang telah terbina.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut.

Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, terdapat beberapa teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut.

Antara teknik plot yang digunakan ialah teknik pemerian. Contohnya, pengarang menggambarkan watak utama iaitu Adnan yang menghunus keris kayu pemberian ayahnya lalu menikam batang pisang. Dia berlagak seperti Hang Tuah yang menikam musuhnya. Pak Saidi yang baru pulang dari kebun tersenyum melihat telatah anak sulungnya itu

Selain itu, teknik imbas muka juga diselitkan dalam novel ini. Sebagai contohnya, semasa berbual-bual dengan Mamat, Leftenan Adnan menyatakan keinginannya untuk menjadi seorang askar. Beliau ingin menjadi askar kerana ingin menjaga negeri ini dan akan akan menembak musuh yang datang.

Jelaskan dua persoalan kemasyarakatan berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari.

Berdasarkan sebuah novel yang telah saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, terdapat persoalan kemasyarakatan dalam novel tersebut.

Antara persoalan kemasyarakatan yang terkandung dalam novel ini ialah semangat juang yang tinggi dalam kalangan askar Melayu. Sebagai contohnya, ketika tentera Jepun melancarkan serangan di Jurong, pertahanan British semakin tidak kuat kerana banyak tenteranya keletihan dan ketakutan. Hal ini berbeza dengan askar Melayu yang masih bersemangat. Mereka tiada pilihan lain kerana Tanah Melayu merupakan tanah air mereka.

Selain itu, kerjasama untuk mengukuhkan sistem pertahanan negara juga antara persoalan kemasyarakatan yang ditonjolkan dalam novel ini. Ketika Leftenan Adnan diarahkan oleh pihak Inggeris untuk bertugas di Bukit Candu, beliau mendapati tiada persiapan rapi yang dibuat di sana. Leftenan Adnan telah mengadakan mesyuarat tergepar dan meminta mereka bergotong-royong menggali parit dan kubu. Leftenan Adnan dan orang-orang bawahannya turut menebas semak samun dan membaiki pagar duri.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan tema novel tersebut.

Berdasarkan novel yang saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, tema novel ini ialah semangat kepahlawanan askar Melayu dalam mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh orang asing.

Tema ini dapat dibuktikan Leftenan Adnan, atau nama sebenarnya Adnan bin Saidi sanggup berjuang bermati-matian hingga titisan darah terakhir demi mempertahankan bumi tercinta daripada ditakluki oleh tentera Jepun.

Selain itu, ketika tentera Jepun melancarkan serangan di Jurong, pertahanan British semakin tidak kuat kerana banyak tenteranya keletihan dan ketakutan. Hal ini berbeza dengan askar Melayu yang masih , bersemangat. Mereka tiada pilihan lain kerana Tanah Melayu merupakan tanah air mereka.

Di samping itu, askar-askar yang bertugas mengawal kubu Pasir Panjang sentiasa berjaga-jaga walaupun sudah beberapa hari tidak makan dan minum. Pada waktu pagi, tentera Jepun telah datang ke kawasan pertahanan mereka. Tentera Jepun mahu Leftenan Adnan menyerah tetapi Leftenan Adnan berkeras ingin mempertahankan kubu Pasir Panjang. Oleh itu, tentera Jepun telah membedil kubu itu melalui udara. Askar Melayu dan Leftenan Adnan telah memberikan tentangan hebat kepada tentera Jepun sehingga mereka gagal menembusi benteng pertahanan askar Melayu. Kekalahan ini menyebabkan Jeneral Yamashita semakin marah dan malu.

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan dua latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut.

Berdasarkan sebuah novel yang telah saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, terdapat beberapa latar tempat dalam novel ini.

Salah satu latar tempat yang terdapat dalam novel ini ialah warung Pak Samad. Warung ini merupakan tempat penduduk kampung bertukar-tukar maklumat dan cerita. Warung ini juga menjadi tempat untuk Nordin bermain dam bersama-sama dengan rakan-rakannya.

Selain itu, Sekolah Inggeris juga merupakan antara latar tempat yang dipaparkan oleh penulis dalam novel ini. Sekolah ini merupakan tempat Adnan belajar. Ketika dia belajar di sini, Adnan menunjukkan sikap yang baik dan sering mendapat pujian terutamanya daripada Cikgu Anderson.

Jelaskan dua perwatakan watak utama yang dapat memberikan teladan kepada pembaca berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari.

Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu novel Adnan Wira Bangsa, hasil karya Abdul Latip bin Talib, Leftenan Adnan yang merupakan watak utama telah memaparkan beberapa perwatakan yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Antara perwatakan Leftenan Adnan yang dapat diteladani oleh pembaca ialah beliau merupakan seorang anak yang rajin membantu keluarganya dengan melakukan pelbagai pekerjaan. Buktinya, Adnan banyak membantu ayahnya menoreh getah, bersawah padi dan memungut buah durian di dusun duriannya. Di sekolah pula, Adnan terkenal sebagai seorang pelajar yang rajin dan pintar. Beliau telah menjuarai pertandingan pidato dalam Bahasa Inggeris yang diadakan di sekolahnya. Sikap kerajinan Adnan juga amat dikagumi oleh teman-teman dan guru-gurunya.

Selain itu, sebagai seorang tentera, beliau memiliki semangat cinta akan negara yang tinggi. Untuk mencapai cita-citanya, Adnan menolak jawatan guru pelatih dan memohon jawatan askar. Semasa menjalani latihan ketenteraan, beliau bekerja keras bukan kerana pangkat tetapi baginya menjadi kewajipan seorang anggota tentera untuk menjalankan tanggungjawab dan amanah sebaik-baik mungkin. Hal ini membuktikan bahawa Adnan merupakan seorang yang bersemangat patriotik.

Cerita dalam novel sememangnya memaparkan latar masyarakat sezaman. Nyatakan tiga latar masyarakat yang terdapat dalam novel yang telah anda baca.

Selepas membaca novel Leftnan Adnan Wira Bangsa, terdapat beberapa latar masyarakat yang saya dapati daripada novel ini.

Antara latar masyarakat ialah masyarakat kampung yang pemurah. Pak Saidi selalu mempelawa penduduk kampung makan buah-buahan di dusunnya. Dia juga selalu memberikan hasil dusun buah-buahannya kepada jiran-jirannya.

Seterusnya, masyarakat yang mementingkan ilmu juga terdapat dalam novel ini. Pak Saidi menghantar anaknya Adnan ke sekolah Inggeris untuk menjadi orang yang berpelajaran. Sekolah itu mengajar banyak mata pelajaran kepada pelajar-pelajarnya. Pak Saidi sanggup berbasikal pada awal pagi untuk menghantar Adnan ke sekolah.

Selain itu, terdapat juga masyarakat yang berani mempertahankan tanah air. Kompeni C askar Melayu berani berjuang menentang tentera Jepun sehingga ke titisan darah terakhir walaupun dalam jumlah yang sedikit dan kehabisan peluru. Walaupun Leftenan Adnan telah cedera parah, dia telah melawan tentera Jepun secara berdepan dengan menggunakan bayonet dan menewaskan banyak tentera Jepun.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua konflik yang dihadapi oleh watak utamanya.

Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, terdapat beberapa konflik yang dihadapi oleh watak utamanya iaitu Adnan bin Saidi atau dikenali sebagai Leftenan Adnan.

Salah satu konflik yang dihadapi oleh watak utama ialah penentangan daripada Budin. Penentangan ini bermula pada perlawanan bola sepak antara Kampung Sungai Merap dengan Kampung Sungai Ramal. Budin daripada pasukan Kampung Sungai Merap tidak berpuas hati kerana kekalahan di tangan pasukan Kampung Sungai Ramal. Mereka mengatur pula perlawanan tinju antara kedua-dua pasukan. Budin akan bertinju dengan Adnan. Akhirnya, Budin dan Adnan bersepakat untuk tidak meneruskan perlawanan tinju itu dan mereka menjadi sahabat.

Selain itu, watak utama juga menghadapi konflik pelekehan rakan-rakan Leftenan Adnan terhadap cita-citanya. Nordin memperlekehkan usaha Adnan untuk menjadi tentera. Adnan telah dituduh sebagai pengkhianat bangsa kerana keluarganya pernah menjadi tali barut kepada Inggeris ketika moyangnya telah menjadi orang buruan Inggeris. Walau bagaimanapun, Adnan sabar dengan lekehan rakan-rakannya dengan tidak menghiraukan tempelak rakan-rakan sekampungnya itu.

Konflik yang timbul dalam cerita membuat cerita semakin berkembang. Berdasarkan novel kajian anda, nyatakan peranan watak utama dalam menyelesaikan konflik.

Setiap novel mempunyai beberapa unsur yang membuatkan novel tersebut menarik untuk dibaca. Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip bin Talib, terdapat unsur konflik yang membuatkan novel tersebut semakin berkembang.

Konflik pertama yang timbul dalam cerita adalah apabila Nordin memperlekehkan usaha Adnan untuk menjadi tentera. Adnan telah dituduh sebagai pengkhianat bangsa kerana keluarganya pernah menjadi tali barut kepada Inggeris ketika moyangnya telah menjadi orang buruan Inggeris. Walau bagaimanapun, Adnan sabar dengan lekehan rakan-rakannya dengan tidak menghiraukan tempelak rakan-rakan sekampungnya itu.

Selain itu, konflik yang timbul dalam novel Leftenan Adnan adalah ketika pertempuran Batalion Kedua Askar Melayu dengan pendaratan askar Jepun di Pantai Cahaya Bulan pada 8 Disember 1941. Dalam pertempuran ini, askar Jepun telah ditentang hebat oleh askar Melayu yang dibantu oleh tentera India British. Pada hari kedua, kapal-kapal perang Jepun telah melepaskan tembakan menyebabkan banyak terkorban dan banyak askar India British melarikan diri. Namun begitu, semangat Leftenan Adnan tidak berputus asa lalu bertahan dan berjaya menggagalkan askar Jepun tetapi pada hari ketiga askar Melayu yang bertempur terpaksa berundur. Askar Jepun berjaya mendarat di Kelantan.

Di samping itu, terdapat satu lagi konflik dalam novel di mana konflik berlaku di antara askar Melayu dengan tentera Jepun pada masa terakhir Perang Dunia Kedua. Pada masa ini Leftenan Adnan terus memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak buahnya. Walaupun mereka semakin kehabisan peluru sedangkan asakan tentera Jepun semakin bertambah, semangat askar Melayu tidak pernah berkurang dan terus berjuang mempertahankan diri dan maruah negara.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan satu watak sampingan lelaki dan perwatakannya.

Berdasarkan novel yang saya kaji iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib, terdapat satu watak sampingan lelaki. Watak sampingan tersebut ialah Pak Saidi.

Pak Saidi mempunyai seorang isteri yang bernama Mak Milah dan mempunyai tiga orang anak lelaki iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah. Pak Saidi tinggal di Kampung Sungai Ramal dan bekerja sebagai pesawah.

Perwatakan Pak Saidi adalah seorang ayah yang bertanggungjawab terhadap keluarganya. Sebagai contoh, Pak Saidi tidak mahukan anak-anaknya ketinggalan dalam arus pendidikan semasa. Beliau mahu masa depan menjadi lebih baik. Oleh itu, Pak Saidi menghantar anak mereka ke sekolah aliran Inggeris walaupun beberapa orang penduduk kampung membantah perbuatannya.

Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu persoalan kasih sayang yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

Berdasarkan dua buah novel yang telah saya pelajari, iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib dan novel Tirani karya Beb Sabariah, terdapat persoalan kasih sayang.

Dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa, persoalan kasih sayang yang dipamerkan ialah bapa yang mementingkan pelajaran anak-anaknya. Misalnya, Pak Saidi sanggup menghantar Adnan ke sekolah Inggeris kerana sekolah itu mengajarkan banyak mata pelajaran kepada para pelajarnya. Oleh itu, Pak Samad sanggup berbasikal pada awal pagi untuk menghantar Adnan ke sekolah. Walaupun tindakan Pak Samad ditentang oleh penduduk kampung, dia tetap menghantar anaknya ke sekolah Inggeris untuk memastikan anaknya mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Dalam novel Tirani pula, persoalan kasih sayang yang dipaparkan ialah kasih sayang seorang ibu terhadap anak kandungnya. Contohnya, apabila Raidah iaitu ibu Waheeda dimaklumkan bahawa Waheeda akan menjalani sesi pembedahan mata dan hidungnya di Silicon Medical Centre (SMC), dia membuat keputusan untuk pergi ke Singapura untuk menemani anaknya pada hari pembedahan itu. Selain itu, Waheeda membesarkan anak kandungnya, Izzati tanpa bantuan seorang suami kerana suaminya, Zahid telah menceraikannya dengan talak satu.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan dua teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut.

Berdasarkan novel yang telah saya pelajari iaitu novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib, terdapat beberapa teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam novel tersebut.

Antara teknik plot yang digunakan ialah teknik pemerian. Contohnya, pengarang menggambarkan watak utama iaitu Adnan yang menghunus keris kayu pemberian ayahnya lalu menikam batang pisang. Dia berlagak seperti Hang Tuah yang menikam musuhnya. Pak Saidi yang baru pulang dari kebun tersenyum melihat telatah anak sulungnya itu

Selain itu, teknik imbas muka juga diselitkan dalam novel ini. Sebagai contohnya, semasa berbual-bual dengan Mamat, Leftenan Adnan menyatakan keinginannya untuk menjadi seorang askar. Beliau ingin menjadi askar kerana ingin menjaga negeri ini dan akan akan menembak musuh yang datang.

Teknik Plot Novel Tirani

Teknik pemerian – pengarang memerihalkan upacara menyarungkan cincin perkahwinan pengantin lelaki di jari pengantin perempuan.

Teknik imbas muka – Waheeda membayangkan suasana mesra yang wujud ketika kakitangan di Chalet Tajau Emas belajar menganyam kelongsong ketupat lepas daripada ibunya ketika dia membaca e-mel yang dihantar oleh Fatimah.

